

## **MINGGU PASKA KE- 5(C)**

Kisah 14:21-27; Mazmur 144 (145): 8-13. R/ v. 1; Wahyu 21:1-5

Yohanes 13:31-35

**Tema: KITA HARUS MENGASIHI ANTARA SATU SAMA LAIN SEPERTI YESUS MENGASIHI KITA**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Paska ke-5, Tahun Liturgi C. Injil hari ini memberitahu kita untuk mengasihi satu sama lain seperti Yesus mengasihi kita, iaitu, mengasihi satu sama lain dalam dimensi salib, iaitu, mengasihi yang pendosa, mengampuni pendosa dan menyelamat pendosa!

Injil hari ini tersepit antara pengumuman tentang pengkhianatan Yudas terhadap Yesus dan ramalan penyangkalan Petrus akan Yesus. Itulah sebabnya mengapa mengasihi antara satu sama lain seperti Yesus mengasihi kita adalah dalam dimensi salib, mengasihi pendosa, mengampuni pendosa dan menyelamat pendosa!

St. Cyril dari Alexanderia yang hidup antara abad ke 4 dan 5 (c.376 – 444) memberitahu kita bahawa hukum untuk mengasihi antara satu sama lain seperti Yesus mengasihi kita adalah baru, sebab dalam hukum lama kita diminta untuk mengasihi jiran kita seperti diri kita sendiri, (Lv 19:18), tetapi dalam hukum baru kita diminta untuk mengasihi musuh kita lebih dari kita mengasihi diri kita sendiri! (Herald, 28hb April 2013, Paska ke-5)

Yesus mengasihi orang berdosa lebih dari Dia mengasihi diriNya sendiri! Itulah sebabnya Dia mengampuni pendosa dan mengorbankan Diri-Nya untuk menyelamat pendosa! Kasih ini sajalah yang dapat menyelamat dunia! Bahkan, hanya kasih ini dapat menyelamat dunia!

Tetapi bagaimana kita dapat mengasihi seperti Yesus mengasihi? Bagaimana kita dapat mengasihi, mengampuni dan menyelamat pendosa, bila kita sendiri adalah pendosa? Sememangnya, kita boleh melakukannya dengan bantuan Roh Kudus! Yesus mati, bangkit dari kematian dan memberi kita Roh Kudus! Itulah sebabnya perkataan dimuliakan dan kemuliaan disebut lima kali dalam permulaan Injil hari ini!

Dengan bantuan Roh Kudus kita dapat mengasihi antara satu sama lain seperti Yesus mengasihi kita, iaitu untuk mengasihi dalam dimensi salib, iaitu, untuk mengasihi, mengampuni dan menyelamat pendosa! Hanya kasih Yesus Kristus dapat menyelamat dunia!

2. Bacaan pertama memberitahu kita mengenai berakhirnya misi perjalanan St Paulus. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa St Paulus mewartakan kabar gembira kasih Yesus Kristus kepada yang pagan, iaitu, kepada seluruh dunia! Lebih dari itu bahawa, bacaan pertama juga memberitahu kita St. Paulus bukan sahaja mewartakan kabar gembira cinta kasih Yesus Kristus, tetapi dia juga telah membina gereja-gereja, bukan bahan bangunan; tetapi komuniti-komuniti Kristian yang mengasihi dan bersatu sebagai tanda dan sakramen penyelamatan untuk seluruh dunia; supaya seluruh dunia dapat melihat dan percaya dan diselamatkan! Bacaan pertama juga memberitahu kita bahawa kita harus menderita banyak kesengsaraan dan penganiayaan untuk membina Kerajaan Allah!

3. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa walaupun atas segala penganiayaan dan mati matir nanti akan ada surga baru dan bumi baru. Nanti akan ada Yerusalem baru, iaitu Gereja, dan nanti akan ada penciptaan baru, sebab Allah adalah yang satu-satunya membuat segala sesuatu baru!

Bahkan, nanti akan ada surga baru dan bumi baru, nanti aka nada Yerusalem baru, iaitu, Gereja, dan nanti akan ada penciptaan baru, di mana kita akan mengasihi antara satu dan lain seperti Yesus mengasihi kita, di mana kita akan mengasihi dalam dimensi salib, di mana kita mengasihi pendosa, mengampuni dan menyelamat pendosa!

Konteks sejarah bacaan kedua adalah penganiayaan dan mati matir orang-orang Kristian oleh raja-raja Roma Nero dan Domitian dalam abad pertama. (HCSB)

4. Mazmur antarbacaan adalah kidung pujian dan kesyukuran kepada Allah yang mengasihi dan menyayang dan yang memerintah dengan kasih dan kasih sayang! (HCSB) Justru itu sahutan kepada Mazmur antarbacaan:

**“Aku mengagungkan Dikau, ya Allah, Rajaku, aku memuliakan nama-Mu selama-lamanya.”**  
**(Mzm 144 (145): 1; SM)**

Mazmur antarbacaan mempunyai tiga rangkap. Rangkap pertama memberitahu kita bahawa Allah adalah kasih dan menyayang. Justru itu kita baca dalam rangkap pertama:

**“Tuhan itu pengasih dan menyayang, lambat akan murka damn besar kasih setia-Nya. Tuhan baik terhadap semua orang, penuh kasih setia terhadap segala ciptaan-Nya”** (Mzm 144 (145): 8-9; SM)

Rangkap kedua dan ketiga memberi pujian dan kesyukuran kepada Allah yang mengasihi dan menyayang dan yang memerintah dengan kasih dan kasih sayang.

5. Hari ini kita memberi keyukuran kepada Allah atas kasih dan kasih sayang-Nya kepada penciptaan dan dalam penyelamatan dan kita mohon kepada Allah untuk memberi kita Roh Kudus cinta kasihNya, supaya kita dapat mengasihi satu sama yang lain seperti Yesus mengasihi kita, dan supaya kita dapat mewartakan kabar gembira kasih-Nya ke seluruh dunia, dan supaya kita dapat membina komuniti-komuniti Kristian yang mengasihi dan bersatu sebagai tanda dan sakramen penyelamatan untuk seluruh dunia, dan supaya seluruh dunia dapat diselamatkan oleh kasih-Nya, belaskasihanNya, pengampunan-Nya dan penyelamatan-Nya! Sukacita Musim Paska kepada kamu semua!

Amen!

**Cadangan soalan untuk renungan perseorangan dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumulan kecil, dan kumpulan komuniti-komuniti yang kecil:**

1. Perintah mana yang paling penting? Mengapa perintah Yesus itu baru?
2. Bolehkah kamu mengasihi seperti Yesus mengasihi dengan kekuatan kamu sendiri? Bolehkah kamu mengasihi seperti Yesus dengan bantuan Roh Kudus?
3. Adakah kamu mewartakan kabar gembira kasih Yesus? Adakah kamu membina komuniti-komuniti Kristian yang mengasihi dan bersatu sebagai tanda dan sakramen untuk seluruh dunia, supaya seluruh dunia dapat melihat, percaya, dan diselamatkan?
4. Percayahkah kamu bahawa walaupun atas segala penderitaan, penganiayaan dan mati matir nanti akan ada surga baru dan bumi baru, Yerusalem baru dan penciptaan baru di mana kita akan mengasihi seperti Yesus mengasihi; sebab hanya Allah sendiri yang membuat segala sesuatu baru?
5. Adakah kamu memberi kesyukuran dan pujian kepada Allah yang mana adalah cinta kasih dan menyayang dan yang memerintah dengan kasih dan kasih sayang? Adakah kamu memohon kepada Allah untuk membantu kamu mengasihi dan menjadi penyayang?
6. Adakah kamu mengasihi jiran kamu seperti kamu sendiri? Adakah kamu mengasihi musuh kamu lebih dari diri kamu sendiri?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Rujukan: HarperCollins Study Bible (HCSB); Sunday Missal (SM).**